

RISALAH PENDEDAHAN PRODUK

Sila baca Risalah Pendedahan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk melanggani **Pembiayaan Kenderaan Muamalat (BBA)-i**. Pastikan juga anda telah membaca terma dan syarat am produk ini.

BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD
PEMBIAYAAN KENDERAAN MUAMALAT (BBA)-i
TARIKH:

Apakah yang perlu saya tahu mengenai produk ini?

Kemudahan pembiayaan sehingga 100% margin pembiayaan bagi tujuan pembelian kenderaan.

1. Apakah konsep Syariah yang diguna pakai untuk produk ini?

Bai' Bithaman Ajil (BBA) merupakan kontrak jual beli secara bayaran tertangguh.

Pembiayaan ini adalah berdasarkan kadar tetap dan kenderaan anda akan dicagarkan sebagai cagaran kepada pembiayaan tersebut.

2. Apakah yang akan saya terima melalui produk ini?

- Jumlah Pembiayaan: RM _____
- Margin Pembiayaan : _____ %
- Tempoh : _____
- Kadar Pembiayaan : _____
- Harga Jualan : RM _____

3. Apakah tanggungjawab saya?

- Cara Pembayaran : RM_____
- Jumlah bayaran termasuk margin keuntungan sebanyak: RM_____

Nota:

- Anda layak menerima rebat sekiranya anda membuat sebarang penyelesaian awal pembiayaan.
- Bayaran pendahuluan ansuran adalah sebanyak dua (2) bulan.

4. Apakah yuran dan caj yang perlu dibayar?

Duti Setem berdasarkan Akta Duti Setem 1949 (Pindaan 1989).

5. Bagaimana jika saya gagal melaksanakan tanggungjawab saya?

Caj ganti rugi (Ta'widh):

Ketika tempoh pembiayaan	Caj ganti rugi yang akan dikenakan ialah 1% setahun ke atas jumlah bayaran bulanan tertunggak.
Selepas tamat tempoh pembiayaan	Caj ganti rugi yang akan dikenakan adalah berdasarkan Kadar Semasa Pasaran Wang Antara Bank Secara Islam ke atas baki prinsipal tertunggak.

- Hak untuk tolak selesai : Kami berhak untuk menolak selesai baki belum jelas dalam akaun pembiayaan menggunakan sebarang baki kredit dalam mana-mana akaun anda bersama kami.

6. Bagaimana jika saya menyelesaikan seluruh pembiayaan ini sebelum tempoh matang?

Rebat akan diberikan dan pengiraanya adalah seperti berikut:

$$\text{Rebat} = \frac{n(n+1)}{T(T+1)} \times \text{TC}$$

Di mana: n = Jumlah baki bulan.

T = Jumlah keseluruhan bulanan di dalam perjanjian.

TC = Caj Tempoh bagi Jumlah Keseluruhan Pendapatan Pembiayaan di dalam perjanjian.

7. Apakah risiko-risiko utama yang terlibat?

Sekiranya anda bermasalah untuk memenuhi obligasi pembiayaan anda, sila hubungi pihak Bank dengan segera untuk membincangkan tentang alternatif bayaran pembiayaan.

8. Adakah saya memerlukan penjamin atau cagaran?

Bergantung pada keperluan Bank dan juga keupayaan kredit pelanggan.

9. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan maklumat untuk dihubungi?

Untuk memastikan sebarang surat-menjurut diterima tepat pada masanya, sila hubungi pihak Bank dengan segera sekiranya berlaku perubahan maklumat.

10. Dimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai produk ini?

Sekiranya anda memerlukan sebarang maklumat lanjut mengenai produk ini, sila rujuk risalah produk yang boleh didapati di semua cawangan kami atau layari laman sesawang www.muamalat.com.my.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di :

11. Lain-lain pakej pembiayaan kenderaan yang disediakan:

Pembiayaan Kenderaan Muamalat (AITAB)-i.

NOTA PENTING:

**KENDERAAN ANDA BOLEH DIAMBIL SEMULA SEKIRANYA ANDA INGKAR DALAM PEMBAYARAN ANSURAN
MENGIKUT SYARAT DAN TERMA YANG TELAH DITETAPKAN.**